



PENCEMARAN SISA TOKSIK DI PASIR GUDANG



Utusan Malaysia 15/03/2019 M15 03



PARA petugas kerja-kerja pembersihan daripada pihak kontraktor dan agensi berkaitan bertungkus-lumus menjalankan usaha membersihkan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

Penduduk tinggalkan rumah

PASIR GUDANG 14

Mac - Ekoran insiden pencemaran toksik di Sungai Kim Kim di sini yang semakin berpanjangan sehingga menjajaskan 111 buah sekolah di daerah ini, segelintir penduduk mengambil inisiatif meninggalkan kediaman mereka buat sementara waktu.

Seorang penduduk, Abdul Rahim Abdul Rahman, 47, memberitahu, dia membuat keputusan tersebut selepas arahan pengosongan sekolah dibuat.

Dia membawa anak-anaknya meninggalkan rumah untuk menginap di sebuah hotel di pusat bandar Johor Bahru untuk beberapa hari.

"Ekoran insiden pencemaran ini, saya membuat keputusan untuk meninggalkan rumah buat sementara waktu, sekurangnya sehingga diumumkan keadaan telah selamat,

"Saya enggan mengambil sebarang risiko khususnya apabila melibatkan soal kesihatan,

Pembersihan Sungai Kim Kim bermula

PASIR GUDANG 14 Mac - Kerja-kerja pembersihan sisa toksik di Sungai Kim Kim di sini bermula petang ini dengan menggunakan dua jengkaut bagi mengorek tebing sungai yang terjejas.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di lokasi kejadian mendapati pihak kontraktor bersama-sama agensi terlibat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Alam

Sekitar (JAS) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mula membuat kerja pembersihan pukul 4.15 petang.

Sebelum itu, pihak bomba yang mendapat sokongan pasukan di negeri lain turun ke lokasi kejadian bagi mengambil bacaan tahap radiasi bahan toksik menggunakan alat 'analysis gasmeter'.

Bagi kerja pembersihan, se-

buah jengkaut digunakan bagi mengorek tanah di tebing sungai sebelum diletakkan dalam sebuah beg plastik untuk dibawa ke pusat pelupusan.

Dianggarkan kira-kira 20 individu yang lengkap berpakaian keselamatan dan topeng mulut mengendalikan tanah yang dikorek.

Ketika kerja pembersihan dilakukan, agensi swasta yang

mempunyai kepakaran dalam pengurusan kebersihan dan bahan kimia turut terlibat bagi menggunakan alat 'aerial gas monitoring' bagi mengesan kehadiran gas metana.

Difahamkan, selepas kerja mengorek tebing sungai selesai, operasi akan diteruskan dengan mengorek kawasan sungai yang sudah ditanda dan dikenal pasti tercemar.

Darurat bencana di bawah MKN

KUALA LUMPUR 14 Mac - Darurat bencana berbeza dengan darurat yang termaktub dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan perkenan Yang Dipertuan Agung untuk mengisytiharkannya.

Felo Penyelidik Undang-undang dan Perlembagaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Muhammad Fathi Yusof berkata, darurat bencana merupakan peraturan kecil yang terdapat dalam Arahan No: 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Kata beliau, arahan tersebut berdasarkan kuasa diberikan di bawah Seksyen 43 (2) Akta MKN yang mana darurat bencana

boleh diisytiharkan oleh Perdana Menteri atas nasihat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara.

“Implikasinya adalah segala pengurusan bencana termasuk kos akan dikendalikan dan ditanggung oleh kerajaan Persekutuan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ditanya sama ada pengisytiharan darurat dilakukan sekiranya berlaku kematian, Muhammad Fathi berkata, perkara demikian tidak dinyatakan dalam arahan



MUHAMMAD FATHI YUSOF

MKN.

“Peraturan berkaitan darurat bencana di bawah arahan MKN, tidak menyebut sama ada melibatkan kematian atau tidak, tetapi penilaian berdasarkan kepada tahap keseriusan kes itu dan bagaimana me-

nentukan sama ada serius atau tidak adalah budi bicara Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Persekutuan untuk menasihati Perdana Menteri,” katanya.

INFO

- Darurat bencana berbeza dengan darurat dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.
- Peraturan kecil yang terdapat dalam Arahan No: 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- Kuasa di bawah Seksyen 43 (2) Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mana darurat bencana boleh diisytiharkan oleh Perdana Menteri atas nasihat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara.
- Segala pengurusan bencana termasuk kos ditanggung oleh kerajaan Persekutuan.

2,775 mangsa pencemaran toksik setakat ini

PASIR GUDANG 14 Mac - Seramai 2,775 mangsa pencemaran toksik di Sungai Kim Kim di sini direkodkan sejak 7 Mac lalu sehingga pukul 12 tengah hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahrudin

Jamal berkata, jumlah itu melibatkan mangsa yang mendapatkan rawatan di dua pusat rawatan awal yang dibuka selain mendapatkan rawatan secara terus di hospital serta klinik berdekatan.

Katanya, daripada jumlah

itu, seramai 1,906 mangsa mendapatkan rawatan awal sama ada di Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih dan Dewan Taman Mawar di sini.

“Daripada 1,906 mangsa itu, seramai 276 mangsa telah dirujuk ke hospital untuk menda-

patkan rawatan lanjut.

“Sementara itu, seramai 869 mangsa mendapatkan rawatan secara terus di hospital dan klinik berdekatan sejak pencemaran mula berlaku,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

lebi-lebih lagi kesihatan anak-anak,” katanya yang menetap di Taman Bukit Dahlia di sini.

Insiden pencemaran toksik di Sungai Kim Kim telah memaksa kerajaan mengeluarkan arahan menutup kesemua 111 buah sekolah dalam kawasan Pasir Gudang bermula hari ini.

Katanya, keadaan bertambah buruk apabila pelbagai khabar angin menjadi tular dan disebarkan hingga meresahkan orang ramai terutama penduduk di sini.

“Pelbagai khabar angin yang ditularkan dalam media sosial juga mengelirukan,” tambahnya yang merupakan seorang pengacara bebas.

Sehingga pukul 8 malam tadi, seramai 947 orang telah mendapatkan rawatan awal ekoran pencemaran itu dan seramai 217 daripada mereka dirujuk ke hospital, termasuk lapan yang ditempatkan dalam Unit Rawatan Rapi (ICU)